MUAT TURUN SEKARANG
TRDI NEWS
Download on the App Store
GET IT ON Google Play






UTAMA SEMASA

# KMI Tandatangani SSA Bersama Hospital Bersalin Razif

Mastura Jamal Din   24 Okt 23 08:26 PTG   61



KUALA LUMPUR, 23 Oktober - Anak syarikat penjagaan kesihatan TDM Bhd Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare) memeterai Perjanjian Jualan Saham (SSA) bersama Hospital Bersalin Razif (HBR) di sini hari ini.

Pengerusi TDM Berhad, Tengku Seri Bijaya Raja berkata perjanjian itu adalah bagi pemerolehan 100 peratus kepentingan ekuiti dalam HBR oleh KMI Healthcare.

Katanya, pemeteraian perjanjian antara kedua pihak merupakan satu lagi kejayaan besar bagi Kumpulan dan akan menjadi pemangkin untuk KMI Healthcare agar terus berkembang maju.

"Hospital Bersalin Razif akan menjadi hospital ke enam di bawah rangkaian KMI Healthcare melalui pengembangan 'brownfield' nya.

"Ia mempunyai kapasiti katil sebanyak 35 dengan lebih 20 tahun kehadiran di Klang, Selangor,"ujarnya.



Sementara itu, satu majlis makan malam penghargaan untuk 200 pemegang kepentingan di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur turut diadakan.

Acara itu dihadiri oleh ramai pemain industri termasuk syarikat insurans, syarikat pentadbiran pihak ketiga (TPA), syarikat berkaitan kerajaan (GLC), rakan kongsi dan pelanggan, lembaga pengarah dan warga pekerja Kumpulan.

Tengku Seri Bijaya juga berkata KMI Healthcare berbangga menjadi salah satu bahagian perniagaan yang pesat berkembang di bawah sayap pelaburan TDM Berhad.

"Ini termasuk sebagai Syarikat sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

"Sejak penubuhannya, kapasiti katil di hospital KMI telah berkembang secara progresif untuk mempercepatkan kelajuan ke pasaran dalam tempoh lima tahun akan datang," ujarnya lagi.

Dalam masa sama, bagi perancangan masa hadapan, KMI Healthcare berazam untuk mencapai lebih kejayaan dengan strategi dan rancangan perniagaan yang kukuh, menambah lebih nilai kepada perkhidmatannya.

Tag: Utama Semasa

Berita Terkini

- Setiu FA Sasar Juara TFL
- KMI Tandatangani SSA Bersama Hospital Bersalin Razif
- Terengganu Bakal Perkenal Permit Khas Selam Skuba di Lokasi Kapal Karam
- Malaysia Perlu Desak Israel Dihadap ke Mahkamah Jenayah
- Atlet Terengganu Terima RM44,500 Insentif SWARA, SHAKE

PALING POPULAR

1. Sekatan Jalan Raya Dikuatkuasakan Di Seluruh Terengganu
2. Gadis Terengganu Dinobat Pelajar Ketujuh Terbaik Dunia
3. 'Ingatkan Panas Hingga Ke Petang, Rupanya...' - Rintih Dr Nor Azimi
4. PKPB: Lima Sekatan Jalan Raya Di Terengganu
5. Empat Kluster Baharu Muncul Di Terengganu Dalam 48 Jam




Don't miss out on the Latest News
We won't spam you and we respect your privacy.
Your Email SUBSCRIBE

TRDI on Youtube
Subscribe to our Youtube channel for all latest in-depth, on the ground reporting from around the world.
SUBSCRIBE

TRDI on Facebook
LIKE

FOLLOW

FOLLOW



Copyright © 2020 TRDI
Powered by Mysoftcare